

04/08/1998

Aduan buku fitnah Anwar disiasat

POLIS sedang menjalankan siasatan terhadap semua aduan yang dibuat terhadap buku 50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM dan tindakan mahkamah sedang difailkan bagi beberapa aduan itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata antara aduan yang dibuat mengenai buku itu termasuk daripada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri.

"Urusan selanjutnya mengenai siasatan dan aduan akan diputuskan oleh mahkamah," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Senator Datuk Zainudin Maidin di Dewan Negara, semalam.

Zainuddin ingin tahu sama ada kerajaan sudah menyiasat dakwaan Anwar bahawa wujud konspirasi yang mahu menggulingkan beliau menerusi pengeluaran buku terbabit.

Senator itu turut bertanya langkah mencegah berlakunya penulisan, penerbitan dan penyebaran buku yang sama dengan 50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sukar mencegah penerbitan dan pengedaran buku yang berunsur negatif mengenai pemimpin selagi wujudnya golongan yang tidak bertanggungjawab menerbit dan mengedar penerbitan sedemikian.

(END)